

# EON

Epitome of Nature



*EON Inspirasi*  
Edisi Dr. Nor'Aishah Abu Shah

*Rahsia Lebah*  
Sains vs Alquran

*Warisan Semulajadi Geologi*  
Hubungan dengan Flora dan Fauna

*Basic Navigation in Forest*  
Tips and tricks

ISSN 2773-5869



Kebiasaannya, kelip-kelip dijumpai di kawasan kampung dengan kehadirannya disedari melalui kelipan cahaya yang dihasilkannya. Terdapat beberapa lokasi di negara kita untuk melihat serangga ini dengan lebih dekat iaitu di sekitar kawasan yang mempunyai pokok bakau, pokok nipah, kawasan pinggir sungai dan juga pokok tertentu di daratan seperti pohon berembang. Kitaran hidup kelip-kelip tidaklah panjang tetapi, kelip-kelip memerlukan keadaan cuaca yang lembap, persekitaran berpaya serta sumber makanan daripada pokok bakau itu sendiri.

Perjalanan kami ke Kg Kuantan, Kuala Selangor tidaklah terlalu lama tetapi kami membuat perancangan awal dan menyusun jadual supaya lawatan kami ke sini berbaloi dengan melawat beberapa tempat berhampiran yang lain seperti Bukit Melawati dan Taman Alam. Bagi yang merancang untuk melihat kelip-kelip, tempat lawatan di Kg Kuantan ini dibuka bermula daripada pukul 7.30 hingga 10.30 malam dengan menyewa sampan di situ. Harga sewaan sebuah sampan adalah sebanyak RM 60.00 bagi rakyat Malaysia dan RM 100.00 bagi pelancong asing.

# ***perspektif***

## **KEINDAHAN KELIP-KELIP DI HUTAN PAYA BAKAU KG KUANTAN**

Oleh

A. N. JANNAH

Jabatan Fizik dan Sains Bahan, UiTM  
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala  
Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah  
Negeri Sembilan

*nurjannah@uitm.edu.my*

EDITOR: MOHD SYAHRIL MOHD ZAN



Panorama alam seperti di kawasan kampung, pantai yang indah, sawah padi menghijau atau ternakan bebas di padang ragut merupakan pemandangan yang indah dan menjadi tumpuan utama kami sekeluarga sekiranya pergi bercuti. Destinasi yang dipilih biasanya jauh dari kesibukan kota kerana jiwa kami sememangnya serasi dengan keadaan begitu. Apa yang ingin dikongsi sebenarnya adalah pengalaman kecil kami ketika memilih destinasi yang kurang popular bagi kebanyakan kita tetapi menjadi tempat tumpuan bagi pencinta alam yang suka menikmati perkara yang agak janggal atau jarang dijumpai iaitu Kampung Kuantan. Kampung Kuantan di Kuala Selangor merupakan kawasan tumpuan bagi serangga yang dipanggil kelip-kelip dan ia menjadi salah satu kawasan persinggahan pelancong luar yang ingin melihat kelipan indah kelip-kelip secara lebih dekat.

Kelip-kelip, ‘*fireflies*’ atau nama tempatannya iaitu kunang-kunang merupakan satu spesies serangga yang kecil dan cantik kerana ia mengeluarkan kelipan cahaya.



Gambar 1: Lawatan menyaksikan kelip-kelip di hutan paya bakau Kg Kuantan, Kuala Selangor bersama keluarga.



Gambar 2: Anak-anak teruja menunggu giliran menaiki sampan.

Sebuah sampan boleh memuatkan 4 orang dewasa atau 2 dewasa serta 3 atau 4 kanak-kanak. Tidak memerlukan tempahan, pengunjung hanya perlu '*walk in*' sahaja dan beratur untuk membayar harga tiket dan ambil giliran menaiki sampan.

Ketika lawatan, nasib kami agak baik kerana cuaca baik dan hujan turun di sebelah siangnya sekaligus menjadikan kawasan pesisir sungai lembap dan sejuk. Keadaan ini menjadikan kelip-kelip lebih mudah untuk dilihat dan didekati.



Gambar 3: Mendekati kelip-kelip di pesisir sungai

Ketika mendekati sampan, perasaan kami agak berdebar-debar pada mulanya tetapi langkah keselamatan yang diambil dengan pemakaian jaket keselamatan, peraturan had maksimum muatan serta sampan dipandu oleh orang yang berpengalaman menjadikan kami yakin dan seronok dengan perjalanan kami menyusuri sungai.

Perjalanan menaiki sampan diselang-seli dengan informasi daripada pemandu yang bercerita tentang kelip-kelip. Kami dimaklumkan serangga ini tidak suka dengan bunyi-bunyian yang kuat serta cahaya terang dan disebabkan itu penggunaan sampan digalakkan berbanding bot. Kami juga tidak dibenarkan menggunakan lampu suluh dan telefon bimbit serta mengambil gambar kerana flash daripada kamera akan menyebabkan serangga ini lari dari tempat tinggalnya. Memang terasa rugi kerana tidak dapat merakam gambar atau video gerak geri kumpulan serangga ini dengan kelipan cahayanya yang terang dan cantik, tetapi pengalaman mendekati serta menyentuh serangga ini di celahan jari tidak dapat dilupakan. Pergerakan serangga ini perlahan sahaja, bersifat mesra dengan manusia dan tidak bersengat atau menggigit menjadikan anak-anak kecil pasti tersenyum riang tatkala menangkapnya menggunakan tangan.

Perjalanan memerhati gerak geri kelip-kelip mengambil masa lebih dari satu jam serta perjalanan menaiki sampan pada waktu malam meredah paya bakau merupakan pengalaman indah yang tidak akan dapat dilupakan oleh kami sekeluarga. Pastinya momen begini tidak akan kami dapat di mana-mana. Pengalaman begini juga harus diwarisi oleh anak-anak kita dan tidak pupus dengan hanya sekadar dicoret menjadi tulisan sahaja.



Rajah 4: Penulis di pintu masuk Taman Alam, Kuala Selangor

Dengan populasi kelip-kelip yang sedang diancam kepupusan akibat pencerobohan kepada habitat mereka serta kawasan pinggir sungai yang diganggu ekosistemnya sehingga banyak pokok bakau dan berembang ditebang untuk pembangunan menjadikan kawasan kampung yang dulu mudah untuk kita melihat kelip-kelip kini menjadi semakin sukar.



Rajah 5: Hutan paya bakau yang terpelihara di Taman Alam

Usaha pihak berwajib mengekalkan kawasan bakau harus ditambahbaik dan ditingkatkan dari semasa ke semasa serta kesedaran haruslah dititikberatkan kepada orang awam mengenai kawasan ini.



Rajah 6: Haiwan yang mesra pengunjung di Taman Alam (sumber: koleksi sendiri).

Taman Alam yang terletak di Kuala Selangor juga merupakan kesinambungan usaha berterusan ini di mana ia merupakan gabungan hutan sekunder dan tanah lembap dengan kawasan pesisir buatan manusia yang memisahkan tanah basah dari hutan. Taman ini, sebagai sebahagian dari muara Sungai Selangor, merupakan rumah bagi sejumlah spesies burung besar seperti bangau. Sekiranya anda pencinta alam, pastikan anda tidak melepaskan peluang ke dua tempat ini sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup jika sampai ke Kuala Selangor kerana saya pasti anda akan merasa bertuah dan bangga melihat pengunjung terbesar di tempat ini rata-ratanya adalah terdiri daripada pelancong luar yang gigih membawa anak kecil mereka untuk melihat keindahan dan keunikan hutan di Malaysia.